

13/03/1997

IKS digesa memanfaatkan kemajuan IT di Jepun

INDUSTRI Kecil dan Sederhana (IKS) yang terbabit dalam kegiatan berkaitan teknologi maklumat dan multimedia termasuk Internet serta pengeluaran komponen komputer digesa mengambil manfaat daripada pertumbuhan industri IT di Jepun, terutamanya di Kyushu.

Ini kerana pertumbuhan IT di Kyushu yang turut dikenali Pulau Silikon bukan saja menyediakan peluang perniagaan malah pemindahan teknologi yang lebih berkesan, pada masa depan.

Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir, berkata, industri IT di Pulau Silikon adalah maju setanding Lembah Silikon di Amerika Syarikat.

Pertumbuhan industri IT di pulau itu menyumbang lebih daripada 30 peratus kejayaan industri IT keseluruhannya di Jepun dan kini, terdapat 340 syarikat IT yang beroperasi di pulau itu.

"Kerjasama boleh dilakukan di antara IKS dan syarikat IT Jepun menerusi perkongsian strategik atau penubuhan usaha sama bagi menggalakkan pelaburan mereka di negara ini.

"Langkah itu bukan saja berfaedah kepada operasi IKS tempatan malah menyumbang pada pertumbuhan Koridor Raya Multimedia di negara ini, yang bakal menyaksikan pembabitan syarikat IT antarabangsa," katanya pada sidang akhbar mengenai Dialog Fukuoka di Kuala Lumpur, semalam.

Dialog yang dianjurkan bersama Pusat Perniagaan Asia (ABC) dan Nishinippon Newspaper Co Ltd, yang berpangkalan di Fukuoka, Jepun akan diadakan Dewan Simfoni Fukuoka.

Dialog yang dijadualkan berlangsung pada 28 Mac ini, bertajuk Abad Digital: Peluang Kerjasama Di Antara Jepun dan Malaysia dan ia akan disertai oleh 1,800 peserta termasuk pembuat dan pemutus dasar, pemberi perkhidmatan, pembekal serta pelaksana korporat dari Asean.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama di dialog itu dan ia akan disiarkan dalam masa sebenar (real-time) melalui Internet.

Antara penceramah yang akan berucap dalam dialog itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

(END)